

23 APR 1997

Mahathir-Industri (Dengan Gambar)

MAHATHIR GESA INDUSTRI TEMPATAN GUNA TEKNOLOGI TINGGI

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Malaysia, dalam masa yang terdekat, tidak lagi perlu mengambil pekerja asing kerana syarikat-syarikat tempatan sedang bergerak pesat untuk bertukar kepada teknologi tinggi.

Katanya negara akan tidak lagi bergantung kepada perkerja asing kerana teknologi tinggi kurang memerlukan tenaga kerja.

"Apa yang kita lakukan sekarang ialah untuk menganjak ke teknologi tinggi kerana industri tempatan sekarang terlalu bergantung kepada tenaga buruh kasar," katanya pada majlis makan tengah hari bersama para anggota Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) di Carcosa Seri Negara di sini.

MIGHT, yang dilancarkan oleh Dr Mahathir pada tahun 1993, ialah satu usaha bersama kerajaan dan sektor swasta menggalakkan aktiviti meneroka dalam teknologi dan perniagaan di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata pada masa kini, syarikat-syarikat tempatan bukan sahaja bergantung kepada tenaga kerja tetapi kakitangan yang mereka ada sekarang juga kekurangan kemahiran untuk bertukar kepada teknologi tinggi.

"Kita perlu memahami bagaimana untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada buruh kasar," kata beliau sambil menegaskan bahawa rakyat Malaysia perlu dipertingkatkan dari segi kemahiran supaya mereka dapat bersedia menghadapi perubahan teknologi.

Dr Mahathir berkata beliau yakin Malaysia mempunyai keupayaan untuk membangunkan tenaga kerja teknologi tinggi.

"Tetapi kita perlu mempunyai keazaman untuk mendapatkan kemahiran yang melibatkan teknologi tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia telah mengurangkan penggunaan buruh kasar perlahan-lahan dengan menggunakan teknologi robotik.

Katanya Malaysia perlu mencontohi Jepun yang berjaya menguruskan tenaga kerja mereka.

Dr Mahathir berkata semasa lawatannya ke Jepun, beliau mendapati banyak restoran yang mengambil pekerja tempatan walaupun terdapat juga pekerja asing.

Tetapi bilangan pekerja asing adalah kecil berbanding dengan jumlah penduduk Jepun, kata beliau yang kemudiannya melancarkan laman dan buku panduan MIGHT.

Yang turut hadir ialah pegerusi bersama MIGHT, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman yang juga Penasihat Sains di Jabatan Perdana Menteri dan Tan Sri Tajuddin Ramli, Pengerusi Technology Resources Industries Bhd. -- BERNAMA

ES WAT